



**SETIAUSAHA**  
*Secretary*  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
*Public Services Commission Malaysia*  
**ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F**  
**NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62000 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8091 9000  
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 ( 2 )

Tarikh : // Februari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI  
SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah menimbang rayuan pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam mendapati terdapat ketidakaturan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib. Ketidakaturan prosedur ini boleh menyebabkan

keputusan Lembaga Tatatertib dicabar di Mahkamah sekiranya pegawai memfailkan semakan kehakiman dan keputusan tersebut boleh dibatalkan oleh Mahkamah.

4. Bagi memastikan keteraturan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah membuat pemerhatian terhadap kertas-kertas rayuan yang dipertimbangkan seperti di Lampiran.

5. Sehubungan itu, Lembaga Tatatertib adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap pemerhatian ini dan mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur dalam menguruskan kes tatatertib bagi memastikan keputusan Lembaga Tatatertib dapat dipertahankan.

6. Kerjasama pihak Lembaga Tatatertib dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZOHARI BIN SAID)**

1

LAMPIRAN

PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI  
SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2020

BIL.	PEMERHATIAN	BILANGAN KES	PENAMBAHBAIKAN
1.	Pertuduhan tidak jelas.	31	Memastikan semua fakta dan butir-butir yang spesifik berhubung perbuatan salah laku pegawai serta peruntukan mana-mana peraturan yang dilanggar.
2.	Kelewatan mengeluarkan pertuduhan.	2	Tindakan tatatertib hendaklah segera dimulakan terhadap pegawai apabila Lembaga Tatatertib menerima laporan salah laku.
3.	Dapatan salah dan hukuman tidak berasingan.	5	Lembaga Tatatertib hendaklah membuat dapatan salah dan hukuman secara berasingan bagi setiap pertuduhan. [Rujuk kes Mahkamah Rayuan, Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi (No. N-01(a)-433-11/2017)].
4.	Penyediaan minit mesyuarat yang tidak lengkap.	10	Minit mesyuarat hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut:  a. butiran Pengerusi dan Ahli

BIL.	PEMERHATIAN	BILANGAN KES	PENAMBAHBAIKAN
			Lembaga Tatatertib; b. butiran pegawai yang dipertuduhkan; c. tarikh, fakta dan maklumat serahan surat pertuduhan; d. status representasi pegawai; e. maklumat yang dinyatakan dalam minit mesyuarat seperti kandungan representasi dan ulasan Ketua Jabatan hendaklah sama dengan dokumen sebenar; f. dapatan salah; g. hukuman yang lengkap; h. asas keputusan; dan i. tandatangan Pengerusi atau Ahli Lembaga Tatatertib.
5.	Lembaga Tatatertib menimbang fakta yang tidak berkaitan dengan pertuduhan semasa membuat keputusan.  Contoh, rekod kesalahan tatatertib lampau yang tidak dipertuduhkan dan fakta kesalahan yang tidak berkaitan dengan kesalahan seperti menimbang fakta ketidakhadiran bertugas bagi kesalahan melibatkan perolehan Kerajaan.	2	Lembaga Tatatertib hendaklah menimbang fakta yang berkaitan dengan pertuduhan yang dihadapkan kepada pegawai sahaja. Sekiranya rekod kesalahan tatatertib lampau ingin dipertimbangkan, rekod tersebut hendaklah dinyatakan di dalam surat pertuduhan.
6.	Surat keputusan	15	a. tidak menyatakan pertuduhan dan representasi pegawai dipertimbangkan;

BIL.	PEMERHATIAN	BILANGAN KES	PENAMBAHBAIKAN
			b. kelewatan menyerahkan surat keputusan; dan c. menyatakan hukuman tidak tepat.
7.	Ulasan Ketua Jabatan disediakan oleh Pengerusi / Ahli Lembaga Tatatertib / pegawai yang terlibat dalam siasatan kes tatatertib	9	Ulasan Ketua Jabatan perlu disediakan oleh Ketua Jabatan yang tidak mempunyai kepentingan dalam tindakan tatatertib pegawai untuk mengelakkan adanya elemen <i>bias</i> .
8.	Keanggotaan Lembaga Tatatertib terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Siasatan	1	Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib tidak boleh terdiri daripada pegawai yang menjalankan siasatan terhadap pegawai.
9.	Ulasan Ketua Jabatan	2	Ulasan disediakan mempunyai maklumat berbeza dengan surat pertuduhan.
10.	Dapatan salah dinyatakan dalam surat keputusan bagi sabitan jenayah	1	a. tiada keperluan untuk Lembaga Tatatertib membuat dapatan salah bagi kes sabitan jenayah kerana dapatan salah telah direkodkan oleh Mahkamah; dan b. hanya hukuman dinyatakan dalam surat keputusan.
11.	Perakuan Ketua Jabatan jika pegawai telah disabitkan kesalahan jenayah	1	a. perakuan Ketua Jabatan hendaklah disediakan mengikut peruntukan Peraturan 29 (2), P.U.(A) 395/1993; dan b. perakuan Ketua Jabatan bukanlah ulasan Ketua Jabatan.

BIL.	PEMERHATIAN	BILANGAN KES	PENAMBAHBAIKAN
12.	Hukuman tidak dapat dilaksanakan	1	a. hukuman hendaklah dinyatakan dengan lengkap; b. hukuman turun pangkat hendaklah menyatakan gred lebih rendah yang diturunkan; dan c. hukuman turun gaji hendaklah menyatakan bilangan pergerakan gaji yang diturunkan dan tempoh hukuman.
13.	Alasan Lembaga Tatatertib mempunyai maklumat berbeza dengan minit mesyuarat.  Contoh, maklumat keanggotaan Lembaga Tatatertib dan asas-asas keputusan berbeza dengan minit mesyuarat.	2	a. maklumat keanggotaan Lembaga Tatatertib hendaklah sama seperti di dalam minit mesyuarat; dan b. asas-asas keputusan dalam Alasan Lembaga Tatatertib berbeza dengan asas keputusan dalam minit mesyuarat.